

# FORUM

## AKADEMIA MELAKA

BIL.5 NO. 2

OKTOBER, 1996

Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada  
Pentadbiran Awam Masa Kini  
*Norhayati Mohd Salleh*


Defisit Imbangan Pembayaran dan  
Beberapa Implikasi Polisi  
*Arifin Md. Salleh*

Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam  
*Hassan Baharom*

Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni  
*Mohd Pital Zainal*

Towards Improving Team Building in Organizations  
*Vijaya Letchimi S. Thayan*

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
MELAKA



# **F O R U M**

## **AKADEMIA MELAKA**

- Penasihat** Dr Ibrahim Kamal Abdul Rahman  
Jamaluddin Hj Bujang
- Ketua Editor** Rozalli Hashim
- Sidang Editor** Shahariah Othman, Mohd Pisal Zainal, Sujatha Menon, Hazami Kamaruddin,  
Mahadzir Ismail dan Ismail Embong.

FORUM AKADEMI MELAKA adalah forum akademik dalaman bagi para tenaga akademik di ITM Melaka. Ianya diterbitkan setiap bulan atau apabila mecukupi kuota bilangan artikel. Ia bertujuan untuk menjadi forum kepada ahli-ahli akademik kampus berkongsi maklumat mengenai bidang masing-masing termasuk aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran dalam dua bahasa; Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Segala penemuan, interpretasi dan kesimpulan yang dimuatkan di dalam forum ini adalah pandangan mutlak para penulis dan tidak boleh dijadikan pandangan atau pendirian ITM Melaka. Oleh yang demikian, FORUM AKADEMI MELAKA tidak mengambil tanggungjawab kepada penggunaan sebarang maklumat yang diterbitkan sama ada untuk tujuan akademik atau tujuan-tujuan lain.

FORUM AKADEMI MELAKA mengalu-alukan sebarang komen dan maklum balas dari para pembaca. Sila kirimkan pandangan anda kepada Ketua Editor melalui alamat berikut :-

Ketua Editor  
FORUM AKADEMI MELAKA  
Pejabat USPP  
ITM Melaka  
78000 Alor Gajah

**(C)Hak Cipta Terpelihara**

Undang-undang negara mengenai hak cipta adalah terpakai. FORUM AKADEMI MELAKA menggalakkan sebaran maklumat yang diterbitkan dan memberi kebenaran dicetak semula melalui permohonan rasmi tetapi hanya bagi tujuan akademik dan bukan untuk mendapatkan keuntungan. Sebutan sumber asal adalah dialu-alukan.

---

**Percetakan dan Jilid : Rahayu Harun, Mansor Abu Hassan dan Sharif Sulong**

**FORUM AKADEMI MELAKA merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang yang menjayakan penerbitannya.**

# FORUM AKADEMI MELAKA

Bilangan 5

Oktober 1996

Nombor 2

## Kandungan/Contents

Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada Pentadbiran Awam Masa Kini <i>Norhayati Mohd Salleh</i>	1
Defisit Imbangan Pembayaran dan Beberapa Implikasi Polisi <i>Arifin Md. Salleh</i>	10
Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam <i>Hassan Baharom</i>	19
Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni <i>Mohd Pital Zainal</i>	29
Towards Improving Team Building in Organizations <i>Vijaya Letchimi S. Thayan</i>	36

# Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada Pentadbiran Awam Masa Kini

Norhayati Mohd Salleh\*

## Abstrak

*Hutang adalah satu fenomena yang bersifat global kerana ia berlaku di mana-mana saja di dunia ini dalam berbagai-bagai bentuk, jumlah, keadaan dan peringkat. Di peringkat negara, pengurusan hutang yang tidak cekap boleh menimbulkan masalah atau krisis kepada pemerintah, rakyat dan juga pihak pemiutang. Artikel ini cuba membincangkan soal krisis hutang khususnya dari segi sebab, akibat dan cara penyelesaian serta implikasinya. Dengan itu pentadbir-pentadbir awam khususnya bakal-bakal pentadbir dan lain-lain pihak boleh mengambil iktibar daripadanya bagi kebaikan bersama.*

---

## Pendahuluan

Krisis hutang merupakan suatu fenomena yang perlu ditangani bersama. Ini adalah kerana kesan krisis hutang bukan saja dirasai oleh negara-negara peminjam iaitu Negara-negara Sedang Membangun (N<sub>2</sub>SM) atau Negara-negara Dunia Ketiga (N<sub>2</sub>D3) malahan juga Negara-negara Maju (N<sub>2</sub>M) khususnya negara-negara pemberi hutang (the creditor nations). Dengan lain perkataan negara-negara pemberi hutang boleh turut terjebak dalam perangkap hutang sekiranya ia terlalu terdedah kepada pemberian hutang yang banyak kepada negara-negara lain. Sehubungan ini, risiko kebangkrapan pernah dihadapi oleh Mexico dalam tahun 1982 di mana hutang negaranya bukan saja mencetuskan krisis dalam negara tetapi juga menimbulkan masalah serius kepada pihak pemberi hutang. Pihak pemberi hutang pula perlu sedar bahawa pendedahan yang keterlaluan (overexposure) dengan hutang luar boleh menyebabkannya terjebak ke dalam perangkap hutang contohnya the Midland Bank yang terpaksa diselamatkan prestasinya dengan bantuan the Hong Kong and Shanghai Bank<sup>1</sup>.

---

\* Pn. Norhayati Mohd. Salleh adalah Pensyarah Diploma Pentadbiran Awam Institut Teknologi MARA Melaka.

<sup>1</sup> The Daily Mail 18th March 1992.

## Konsep hutang, hutang negara dan krisis hutang

Umumnya *hutang* merujuk kepada sejumlah wang yang dipinjam oleh seseorang individu atau organisasi bagi membiayai sesuatu aktiviti pengeluaran barangan atau perkhidmatan. Wang yang dipinjam mestilah dibayar semula dalam tempoh masa yang tertentu disertai dengan faedah. Wang tersebut menjadi hutang kepada peminjam selagi ia tidak dibayar semula sepenuhnya.

Di peringkat negara, apabila kerajaan berhutang daripada institusi kewangan (dalam atau luar negara) atau dari kerajaan negara lain maka wujudlah *hutang negara*. Hutang negara selalunya melibatkan jumlah wang yang banyak dan tempoh pembayaran semula yang panjang. Kegagalan sesebuah negara membayar semula pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan sudah tentu menyebabkan pertambahan hutang (*accumulated debt*) atau bebanan hutang kepada negara. Bebanan hutang boleh menjadi bahan konflik<sup>2</sup> yang dikenali sebagai '*krisis hutang*'.

Sehubungan ini, N<sub>2</sub>SM selalunya meminjam wang daripada agensi kewangan antarabangsa seperti 'IMF' termasuklah bank-bank besar di N<sub>2</sub> M. Ini bertujuan untuk membiayai projek-projek pembangunan seperti pembangunan pertanian dan pembangunan luar bandar ataupun perkhidmatan sosial yang asas seperti kesihatan dan pendidikan.

### Apa yang menyebabkan krisis hutang ?

Banyak faktor boleh dikaitkan dengan krisis hutang yang dihadapi oleh sesebuah negara. Beberapa teori juga turut diutarakan oleh pengkaji-pengkaji ekonomi<sup>3</sup> mengenainya. Susan George<sup>4</sup> umpamanya mengaitkan masalah ini dengan menekankan soal "apakah yang berlaku pada wang yang dipinjamkan?" Beliau juga mengaitkan model pembangunan yang digunakan oleh sesebuah negara serta faktor-faktor lain seperti kenaikan kadar faedah pinjaman dan krisis minyak sebagai penyebab terjerumusnya sesebuah negara ke dalam perangkap hutang. Bagaimanapun faktor-faktor yang menyebabkan masalah tersebut boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu faktor dalaman dan luaran.

#### *Faktor Dalaman*

*Faktor dalaman* adalah unsur-unsur yang wujud dalam sesebuah negara terutama sekali aspek-aspek dan amalan-amalan pentadbirannya. Antara unsur-unsur dalaman yang boleh dikaitkan dengan faktor ini adalah seperti penyalahgunaan

<sup>2</sup> hutang yang tidak atau lambat berbayar akan meningkatkan faedah (denda) dan menyebabkan pertambahan hutang. Krisis berlaku di dalam negara peminjam (untuk melunaskan hutang) dan antara negara peminjam dengan pemiutang.

<sup>3</sup> pengkaji-pengkaji ekonomi seperti Susan George, T. Siebold, P. Korner dan C. C. Carrounis.

<sup>4</sup> Susan George, *A Fate Worse Than Debt*, 1989.

wang negara, penyelewengan dalam pemberian kontrak, pembiayaan ketenteraan yang besar dan pembelian barangan mewah.

*Penyalahgunaan wang negara.* Konsep yang dikaitkan dengan unsur ini adalah '*capital flight abroad*' di mana pemimpin-pemimpin kerajaan yang tidak jujur (corrupt leaders) telah menggelapkan sejumlah wang negara dan menyimpannya di dalam bank-bank besar di N<sub>2</sub>M khususnya di Barat. Bank-bank tersebut kemudiannya memberikan pinjaman kepada N<sub>2</sub>D3 dengan menggunakan wang tersebut. Sehubungan ini pemimpin-pemimpin berkenaan membuat pinjaman bagi pihak negara mereka (hutang negara) manakalah pentadbir-pentadbirnya menyalahgunakan wang berkenaan dengan membuat pelaburan yang tidak produktif. Hal ini menyebabkan kerajaan tidak berupaya membayar semula pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan dan kerajaan dibebani hutang kerana faedahnya semakin bertambah.

Dengan ini dapat dikatakan bahawa pengurusan wang pinjaman yang tidak betul boleh menggugat keupayaan kerajaan untuk membayar semula hutangnya, meningkatkan hutang negara dan mencetuskan krisis hutang.

*Penyelewengan dalam pemberian kontrak.* Satu lagi konsep yang dikaitkan dengan krisis hutang ialah '*contract kickbacks*' iaitu pembayaran kepada orang-orang yang berpengaruh (dalam kerajaan) bagi memastikan kontrak atau apa-apa aktiviti yang menguntungkan diberikan kepada pihak-pihak tertentu. Hal seperti ini sudah tentu memberi kesan kepada ekonomi negara dan mendorong kepada krisis hutang kerana kontrak dan projek-projek negara tidak diarahkan kepada aktiviti pembayaran semula hutang negara sebaliknya untuk menjaga kepentingan pihak-pihak tertentu sahaja.

*Pembiayaan ketenteraan.* N<sub>2</sub>D3 juga kadang-kadang boleh terjebak ke dalam kancas hutang kerana pembelian senjata yang mahal bagi tujuan pertahanan negara. Adalah dianggarkan bahawa 20% daripada hutang N<sub>2</sub>D3 adalah disebabkan oleh pembiayaan ketenteraan seperti kata Susan George<sup>6</sup>,

"Several countries ran up staggering debts buying toys for their generals....."

Sehubungan ini, dalam belanjawan tahunannya kerajaan cenderung untuk mengurangkan peruntukan wang kepada semua kementerian kecuali kementerian pertahanan. Walaupun perkhidmatan ketenteraan adalah perkhidmatan yang tidak produktif tetapi kementerian pertahanan sangat berpengaruh dalam memastikan pembelian senjata-senjata mahal dibuat oleh kerajaan awam. Implikasi daripada perbelanjaan yang tidak produktif ialah peningkatan bebanan kerajaan di mana negara semakin dibebani oleh hutang dan seterusnya terjerumus ke dalam krisis hutang.

*Perbelanjaan untuk barangan mewah.* Krisis hutang di N<sub>2</sub>D3 juga dikaitkan dengan pembelian barangan mewah dari luar negara (N<sub>2</sub>M) seperti kereta, perabot, buah-buahan dan lain-lain lagi. Pembelian seperti ini bertujuan untuk mengekalkan

<sup>5</sup> T.W. Parfitt and S. P Riley : IMF and The Debt Crisis.

<sup>6</sup> Susan George, *ibid*.

gaya hidup mereka yang berada dalam kelas sosial atasan dan pertengahan dalam masyarakatnya. Dalam hubungan ini kadang-kadang kerajaan di N<sub>2</sub>D3 terpaksa meminjam wang untuk membiayai pembelian barangan import yang mahal bagi kelas-kelas sosial tertentu sedangkan ia bukanlah satu pelaburan yang produktif<sup>7</sup>. Ini menyebabkan kerajaan terjerumus ke dalam kancang hutang yang serius.

*Industrialisasi dan model pembangunan yang tidak sesuai.* Sejak 1950an lagi kerajaan di N<sub>2</sub>D3 cuba mengisi kemerdekaan negara khasnya untuk membasmi kemiskinan. Negera-negara tersebut berusaha untuk menjadi kaya, berkuasa, maju dan kemudiannya menjadi negara industri seperti mana negara-negara maju yang sedia ada. Bagaimanapun kesilapan yang dilakukan oleh kebanyakan N<sub>2</sub>D3 ialah penggunaan laluan (path) yang telah digunakan oleh N<sub>2</sub>M tanpa memahami, mengawal dan menyesuaikan dengan keadaan dalaman sesebuah negara. Dengan lain perkataan N<sub>2</sub>D3 selalunya mencedok dan menerap model pembangunan yang ditiru dari N<sub>2</sub>M dimana ia melibatkan pengimpotan modal, teknologi dan idea dari negara-negara berkenaan. Ini melibatkan kos yang tinggi dan mengabaikan sumber-sumber dalaman yang berpotensi. Keadaan seperti ini menyebabkan N<sub>2</sub>D3 semakin terjerumus ke dalam kancang hutang<sup>8</sup>.

### ***Faktor-faktor Luaran***

Faktor-faktor luaran adalah unsur-unsur di luar negara tetapi mempunyai kesan langsung kepada negara tertentu (N<sub>2</sub>D3). Unsur-unsur tersebut adalah seperti krisis tenaga, peningkatan kadar faedah pinjaman dan kejatuhan harga komoditi di pasaran antarabangsa.

*Krisis tenaga.* Krisis tenaga (harga minyak) dunia adalah dikaitkan dengan krisis hutang yang dialami oleh negara-negara pengeksport minyak (OPEC) dan negara-negara pengimport minyak (bukan pengeksport).

*Krisis hutang dikalangan 'OPEC'.* Pada awal tahun 1970an harga minyak melambung naik dan 'OPEC' cenderung menyimpan wang jualan minyaknya di dalam bank-bank N<sub>2</sub>M. Dalam masa yang sama 'OPEC'<sup>8</sup> meminjam wang yang banyak dari bank-bank tersebut di sebabkan kadar faedah pinjaman yang rendah. Bagaimanapun, pengurusan wang yang tidak cekap di kalangan N<sub>2</sub>D3 menyebabkan mereka tidak berupaya membayar balik pinjaman berkenaan dalam masa yang ditetapkan. Keadaan menjadi semakin rumit apabila berlakunya kenaikan kadar faedah (sejajar dengan peningkatan inflasi) pada pertengahan tahun 1970an dan awal 1980an yang diikuti dengan kejatuhan harga minyak. Ini menyebabkan negara-negara tersebut terjerumus ke dalam perangkap hutang dan mencetuskan krisis hutang.

<sup>7</sup> T. W Parfitt, dan S. W. Riley, *The African Debt Criss*, Croom Helm, 1989.

<sup>8</sup> Lombardi, R.W (1985), *Debt Trap : Rethinking the Logic of Development*, Praeger Publishers, New York.

<sup>9</sup> contohnya Negara-negara Amerika Latin dan Negara-Negara Arab

*Krisis hutang di kalangan negara-negara pembeli minyak.* Negara-negara pembeli minyak dikatakan sangat-sangat terjejas dengan keadaan samada kenaikan atau penurunan harga minyak kerana negara-negara berkenaan terpaksa membeli minyak walaupun terpaksa meminjam wang dari luar. Sehubungan ini, apabila harga minyak meningkat, mereka terpaksa membayar dengan harga yang tinggi kerana harga komoditi keluarannya tidak meningkat setinggi harga minyak. Ini menyebabkan mereka dibebani hutang lebih-lebih lagi apabila mereka terpaksa membayar barangan import yang lain seperti baja dan lain-lain barangan yang berkaitan dengan minyak, juga dengan harga yang tinggi. Apabila harga minyak jatuh semua harga barangan jatuh termasuklah harga komoditi keluaran negara tersebut. Ini menyebabkan negara-negara berkenaan terjerumus ke dalam krisis hutang kerana tidak berupaya membayar hutangnya dan seterusnya mencetuskan krisis hutang<sup>10</sup>.

*Kadar Faedah.* Kenaikan kadar faedah pinjaman turut dikaitkan dengan terjerumusnya N<sub>2</sub>D3 ke dalam krisis hutang. Pada awal 1970an kadar faedah pinjaman bank adalah rendah. Ini mendorong N<sub>2</sub>D3 meminjam sejumlah wang yang besar dari luar. Bagaimanapun apabila ekonomi meleset pada akhir 1970an dan awal 1980an negara-negara tersebut menghadapi masalah pembayaran semula hutang kerana kadar faedah pinjaman telah meningkat. Ini menyebabkan mereka dibebani oleh hutang yang sangat berat.

*Kejatuhan harga komoditi keluaran N<sub>2</sub> D3.* Hal ini berkaitan dengan kenaikan harga minyak di mana apabila harga minyak meningkat dalam pasaran dunia harga komoditi turut meningkat dan ini menjejaskan permintaan ke atasnya. Penurunan permintaan menyebabkan pengurangan perolehan tukaran wang asing di sertai dengan penurunan produktiviti, pengangguran, peningkatan inflasi dan lain-lain masalah di N<sub>2</sub>D3. Secara langsung hal ini menyebabkan bebanan hutang yang berat dan mencetuskan krisis hutang seperti mana yang berlaku di Zambia<sup>11</sup>.

## Jalan Keluar Kepada Krisis Hutang - Apa Risikonya?

'IMF' dan Bank Dunia telah menyarankan kepada N<sub>2</sub>D3 yang dilanda krisis hutang supaya menangani situasi hutangnya dengan menstabilkan ekonomi negaranya melalui beberapa program dalam pakej 'Structural Adjustment'. Pakej ini mengandungi beberapa program termasuklah penurunan nilai matawang, menaikkan kadar faedah bank, pelarasan harga, pemotongan belanjawan kerajaan dan mewujudkan ekonomi liberal.

*Penurunan Nilai Matawang (devaluation).* Penurunan nilai matawang negara dalam tukaran asing dicadangkan dalam pakej ini bagi tujuan meningkatkan eksport, mengurangkan import dan menghentikan kegiatan penyeludupan atau pasar gelap. Sehubungan dengan ini program tersebut dijangkakan dapat mengawal import dan melegakan pengaliran wang keluar kerana harga barangan import menjadi mahal. Ia

<sup>10</sup> Murray, C, Third World countries and the Debt Crisis (kertas seminar dalaman) 1992, LIPAM

<sup>11</sup> lihat Susan George, *ibid*.



juga dapat meningkatkan eksport kerana harga barangan eksport rendah dalam pasaran dunia. Selanjutnya program ini dijangka dapat mengurangkan kegiatan penyeludupan kerana harga komoditi yang rendah berupaya memenuhi permintaan pasaran luaran.

Bagaimanapun program ini mewujudkan kesan jangka panjang yang tidak dikenalpasti terlebih dahulu oleh pihak yang menyarankan pakej ini. Ekoran dari program<sup>12</sup> ini ialah, negara terpaksa mengeluarkan barangan dua kali ganda dari kuantiti asal bagi memperolehi jumlah tukaran asing yang sama bagi membiayai perkhidmatan perlu dalam negara. Dengan lain perkataan, program ini menjejaskan tingkat upah di kalangan pekerja, kebajikan pekerja dan rakyat seluruhnya.

*Menaikkan kadar faedah bank.* Program ini dianjurkan untuk mengurangkan jumlah pinjaman bank dan mengawal tekanan inflasi dalam negara. Tujuan utamanya ialah untuk menggalakkan simpanan di kalangan rakyat. Bagaimanapun masalah yang ketara daripada program ini ialah penurunan produktiviti dan pengeluaran dalam negara.

*Pelarasan Harga (price adjustment).* Satu lagi program yang dicadangkan ialah dengan membuka pasaran kepada dagangan antarabangsa tanpa sekatan iaitu melalui pelarasan harga. Ianya dilaksanakan dengan menghapuskan tarif dan menggalakkan pengeluaran bahan-bahan eksport<sup>13</sup>. Selain dari itu campurtangan kerajaan cuba di kurangkan melalui penghapusan subsidi.

Program ini bagaimanapun mendatangkan keburukan di mana penghapusan tarif dan subsidi menyebabkan peningkatan kos dan dengan itu meningkatkan import barangan siap dari luar negara<sup>14</sup>. Penekanan kepada tanaman eksport pula menyebabkan pengurangan tanaman makanan dan secara langsung ia menyumbang kepada peningkatan inflasi.

*Potongan Belanjawan Kerajaan.* Program ini bertujuan mengurangkan peruntukan kewangan ke atas agensi-agensi kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan wang awam. Kaedah-kaedah yang dicadangkan ialah membekukan gaji, mengurangkan pekerjaan dan jawatan serta menghapuskan perkhidmatan asas awam. Masalah yang timbul akibat daripada program ini ialah pengangguran beramai-ramai, penurunan standard kehidupan rakyat dan ancaman politik ke atas pemerintah.

*Mewujudkan Ekonomi Liberal (liberalise economy).* Untuk mencapai ekonomi yang liberal beberapa program telah dicadangkan iaitu menghapuskan tarif dan juga agensi-agensi kerajaan (para - statal). Penghapusan tarif dikatakan sebagai satu tindakan yang rasional disebabkan harga barangan import yang murah harganya daripada mengeluarkan sendiri kerana kosnya lebih tinggi. Penghapusan agensi-agensi kerajaan dikatakan perlu kerana dasar penswastan boleh meningkatkan

<sup>12</sup> Contoh :

(dulu) kadar tukaran wang asing RM2.00 = Satu Pound Sterling

(sekarang) kadar tukaran wang asing RM5.00 = Satu Pound Sterling

<sup>13</sup> penekanan lebih kepada pengeluaran tanaman eksport (cash crops) bukannya pengeluaran tanaman bahan makanan (food crops).

<sup>14</sup> kerana barangan import lebih murah.

industrialisasi dalam negara. Bagaimanapun risiko yang dihadapi oleh Negara-negara Dunia Ketiga ialah kekurangan perolehan tukaran wang asing dan peningkatan import barangan mewah, serta kekurangan pengeluaran barangan pengguna dalam negara<sup>15</sup>.

### **Bagaimana Menangani Krisis Hutang Secara Efektif ?**

Dari penghuraian di atas kita tahu bahawa kebanyakan N<sub>2</sub>D3 adalah terdedah kepada krisis hutang dan juga risiko daripada pelaksanaan program-program dalam pakej 'Structural Adjustment'. Ini bermakna 'Structural Adjustment' bukanlah satu ubat yang mujarab dan sesuai digunakan oleh semua negara tanpa memikirkan kesesuaiannya. Sebenarnya negara-negara yang menghadapi krisis hutang mempunyai banyak pilihan untuk melepaskan dirinya dari kancas hutang iaitu dari 'debt moratorium'<sup>16</sup> hinggalah kepada pembayaran hutang sepenuhnya. Dalam hubungan ini sudah tentulah 'debt moratorium' bukanlah satu pilihan yang terbaik kerana hutang boleh dilunaskan dengan menggunakan kaedah lain ataupun krisis hutang boleh dielakkan kalau kerajaan di N<sub>2</sub>D3 mengambil langkah yang wajar sebelum membuat pinjaman.

*Hindarkan bank perdagangan.* Sebelum membuat pinjaman kerajaan sesebuah negara perlu menimbangkan sepenuhnya sumber pinjaman yang hendak dibuat. Adalah lebih selamat jika negara-negara berkenaan membuat pinjaman dari Bank Dunia atau IMF daripada bank perdagangan (di N<sub>2</sub>M) kerana kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan adalah terlalu tinggi. Ini adalah kerana ketiadaan konsep "bantuan kewangan" yang di amalkan oleh bank-bank perdagangan.

*Kerjasama Antara Peminjam dan Pemiutang.* Kerjasama antara kedua-dua pihak perlu di wujudkan di mana negara peminjam mesti berusaha membayar semula peminjamnya manakala negara pemiutang perlu bertolak ansur samada dengan mengurangkan kadar faedah atau memanjangkan tempoh pembayaran semula.

*Mengutamakan Kebajikan Rakyat.* Dalam usaha kerajaan menangani krisis hutang kebajikan rakyat harus dikekalkan. Walau apapun program penyelesaian yang dipakai oleh kerajaan, keselesaan dan kebajikan<sup>17</sup> hidup majoriti rakyatnya mestilah diutamakan. Ini bermakna, program-program yang dilaksanakan tidaklah semata-mata untuk menjaga kepentingan mereka yang memegang kuasa.

*Penerapan falsafah bantuan dalam pembangunan komuniti.* Dalam strategi pembangunan sesebuah negara, komuniti setempat perlu diberi hak yang lebih. Oleh itu kriteria yang digunakan oleh IMF dan Bank Dunia perlu direkabentuk semula (redesigned)<sup>18</sup> untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial. Hal ini penting untuk mewujudkan 'grassroot participation' dalam projek-projek Bank Dunia dan IMF dan dengan itu pembaziran, rasuah dan kualiti perkhidmatan sosial yang rendah dapat dikurangkan.

<sup>15</sup> Murray, C. *ibid*

<sup>16</sup> peminjam tak perlu membayar hutangnya tetapi ia akan kehilangan hak untuk meminjam lagi.

<sup>17</sup> memastikan keadaan hidup rakyat adalah lebih baik dari sebelumnya.

<sup>18</sup> T.W Parfitt, dan S.P Riley, *The African Debt Crisis*. Croom Helm.

*Pelaburan dalam aktiviti-aktiviti yang produktif.* Kerajaan di N<sub>2</sub>D3 haruslah memastikan bahawa wang negara termasuklah wang pinjaman dilaburkan ke dalam aktiviti-aktiviti yang produktif bagi menjamin keupayaan kerajaan membayar semula hutang negara dan meningkatkan perolehan tukaran wang asing<sup>19</sup>.

*Usaha Yang Bersifat Global.* Krisis hutang juga boleh ditangani dengan adanya usaha-usaha yang bersifat global atas inisiatif N<sub>2</sub>M atau industri. N<sub>2</sub>M perlu menjalankan koordinasi polisi-polisi ekonomi secara makro sesama mereka untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dunia. Ini penting untuk mengurangkan ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi, menstabilkan kadar tukaran wang asing, mengurangkan kadar faedah, melancarkan pelaksanaan atau penyesuaian program-program 'Structural Adjustment' dan lain-lain lagi.

## Kesimpulan

Untuk merumuskan perbincangan ini bolehlah dikatakan bahawa analisis ke atas krisis hutang perlu menjelaskan masalah di peringkat makro (antarabangsa) dan mikro (negara). Ini adalah kerana punca-punca dan halangan-halangan kepada krisis tersebut berkaitan dengan faktor-faktor yang timbul dari kedua-dua peringkat. Selain dari itu perlu di ingat bahawa masalah hutang berbeza dari satu negara dengan negara yang lain kerana ia bergantung kepada keadaan sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara. Oleh itu program yang seragam oleh IMF dan Bank Dunia tidak boleh dipakai oleh semua negara tanpa menyesuaikannya dengan keperluan dan keadaan yang menyelubunginya.

Penyelesaian masalah tersebut setakat ini nampaknya tidak menunjukkan kejayaan yang besar disebabkan masalah dalaman negara dan luaran seperti ketidakseimbangan bayaran, kekurangan bantuan serta ketidaksungguhan N<sub>2</sub>M membantu N<sub>2</sub>D3 dalam menyingkirkan halangan ke atas komoditi asas. Oleh itu pentadbir-pentadbir awam khususnya di Malaysia perlu mengambil iktibar dari keadaan ini di mana kita perlu bersikap jujur dalam menjalankan tugas terutama sekali dalam soal urusan wang negara. Selain dari itu, pentadbir-pentadbir awam juga janganlah terlalu cepat membuat keputusan meminjam wang dari pihak lain, mencedok apa-apa pembaharuan atau kaedah penyelesaian dari luar tanpa terlebih dahulu mengukur kesesuaiannya dengan keadaan yang dihadapi oleh sesebuah negara.

## Bibliografi

Amin, S (1976) *Unequal Development*, Harvester Press, Hassocks.

<sup>19</sup> dalam hubungan ini dasar Kerajaan Malaysia adalah satu contoh terbaik untuk mengelakkan masalah ini di mana Bank Pusatnya tidak menggalakkan pembiayaan untuk aktiviti-aktiviti kurang produktif. Lihat Utusan Malaysia 5hb Jun 1996.

Crow, B., Thorpe, M. et. al (1988) *Survival and Change in the Third World*, Polity Press, Cambridge.

George, S. (1989) *A Fate Worse Than Debt*, Penguin Books, London.

George, S. (1992) *The Debt Boomerang: How Third World Debt Harms Us All*, Pluto Press.

Hayter, T (1981) *The Creation of World Poverty*, Pluto Press, London.

Johnson, H and Bernstein, H (eds) (1982) *Third World Lives at Struggle*, Heinemann Books, London.

Lombardi, RW. (1985) : *Debt Trap : Rethinking the Logic of Development*, Praeger Publishers, New York.

Loxley, J, 'Structural Adjustment Programmes in Africa, Ghana and Zambia'. *Review of African Political Economy*, No. 47 (1990).

Murray, C, (1992) : *Third World Countries and The Debt Crises (kertas seminar)*, LIPAM, Liverpool.

Parfitt, S and Railey, S (1989), *The African Debt Crisis*, Croom Helm.

Parfitt, S and Railey, S, *The IMF and the Debt Crisis*.

\*Kertas kerja ini adalah satu adaptasi dari seminar mengenai krisis hutang di kalangan negara-negara Afrika.

Utusan Malaysia, 5hb Jun 1996.

*The Daily Mail* 18th March 1992.

\*Sekalung penghargaan kepada Dr. Colin Murray (LIPAM, University of Liverpool) atas komen yang pernah dibuatnya mengenai beberapa fakta berkaitan tajuk ini dalam seminar dalaman yang dikendalikannya.